

Mendung Berlalu

Suriyanti Jumari

Bunyi berkeriuut rantai besi yang mengikat buaian itu tidak sedikit pun mengganggu lamunannya.

“Apa yang kau pikirkan, Dira?” soal Mak Jeha perlahan. “Firas?”

Namun, soalan itu dibiarkan tidak berjawab. Dira mengalihkan pandangannya kepada papan buaian yang kosong itu. Tepat sangkaan Mak Jeha. Memang Dira sedang memikirkan tentang suaminya.

Betul kata orang, penantian itu adalah satu penyiksaan.

Kehibaan dan keluhan rasa dapat juga Dira luahkan kepada Mak Jeha. Ibu mertuanyalah tempatnya dia mengadu nasib. Mak Jeha yang selama ini telah memastikan menantu dan cucunya ada tempat untuk berlindung daripada panas dan hujan. Mak Jeha jugalah yang membancuh susu apabila Ayu menangis setiap malam. Mak Jeha juga yang menjaga waktu makan ubat ketika Ayu dan Dira sakit. Dira tidak tahu bagaimana hendak membalas jasa ibu mertuanya itu. Tetapi yang pastinya, Dira menanam hasrat untuk membalas jasa ibu mertuanya yang telah melahirkan dan mendidik suaminya sehingga menjadi seseorang yang penyayang dan bertanggungjawab.

“Syukur, Dira, kita sudah selamat diijabkabulkan. Abang berjanji akan sentiasa menjaga dan menyayangi Dira dengan sepenuh hati Abang. Terima kasih kerana Dira sudi menerima Abang seadanya walaupun Dira tahu Abang tidak sempurna,” kata Firas.

“Abang, janganlah kata begitu. Bukankah doktor kata Abang dah sihat? Abang dah sembuh. Janganlah Abang runsingkan fikiran Abang tentang hal ini.

Kita sama-sama berdoa agar diberikan kesihatan dan ketabahan, ya,” sahut Dira lembut.

Mahligai yang mereka bina sejak mula amat bahagia. Dira dan Firas saling sayang-menyayangi. Dira merasakan bahawa dialah wanita yang

paling bertuah kerana telah menikahi Firas. Dira isteri yang taat dan pandai mengambil hati suaminya. Firas pula seorang suami yang amat memahami dan penyayang. Dia sentiasa memberikan Dira pelbagai kejutan untuk menambahkan kemanisan dan keceriaan hidup berumahtangga. Hubungan mereka dibina berdasarkan kejujuran dan keikhlasan.

Namun, terdapat sesuatu perubahan pada diri Firas yang mengganggu jiwa Dira. Suaminya sering bersendirian dan sering kali kelihatan murung. Apabila ditanya, Firas diam sahaja atau hanya menjawab dengan sepatah dua kata. Pernah sekali, Dira mengajak Firas keluar bersiar-siar di pantai seperti yang biasa mereka lakukan pada setiap hujung minggu. Firas hanya mendinginkan diri. Apabila Dira mengulangi soalnya, Firas terus naik angin.

“Apa ni? Asyik tanya berulang kali. Saya tak mahu pergi. Rimaslah!” tegas Firas.

Firas terus keluar meninggalkan Dira tercegat di ruang tamu sendirian. Pintu kayu dihempasnya. Dira amat bimbang akan perubahan suaminya. Dia benar-benar kecil hati terhadap kata-kata Firas yang seolah-olah tidak mengambil endah akan perasaannya.

Pada suatu petang, Dira baru pulang dari klinik dan tidak sabar ingin mengkhabarkan berita gembira kepada suaminya. Dira mengandung lima minggu. Memang mereka amat menantikan kelahiran seorang zuriat. Dia juga telah sempat ke pasar serbaneka untuk membeli barang-barang dapur untuk memasak makanan kegemaran suaminya. Malam itu, seperti biasa, apabila Firas pulang dari tempat kerja, disambutnya dengan senyuman terukir pada bibirnya. Walaupun tindak balas Firas hambar, Dira tetap melayan suaminya dengan baik. Kesenyapan di meja itu diganggu dengan pekikan Firas membuatkan Dira terperanjat.

“Masak apa ni? Pedas sangat! Awak nak saya terbelahak?” teriak Firas.

Begitu terhiris hati Dira mendengar kata-kata suaminya itu.

“Abang, Dira masak masakan kegemaran Abang. Sukatan recahnya pun Dira ikut seperti biasa,” jawab Dira, cuba menahan sebak di hati.

“Ahhh... Awak memang nak saya mati cepat... Sebab itu awak bubuh cili berlambak macam ni. Kalau nak masak biar ikhlas!” kemarahan Firas berpanjangan.

“Abang! Sampai hati Abang kata begitu! Abang sudah berubah... Abang dah tak seperti dulu lagi!” Dira tak tertahan hiba di hati lalu terus ke kamarnya.

Sejak malam itu, Dira dan Firas saling membisu dengan satu sama lain. Firas tidak menunjukkan sebarang reaksi terhadap perut Dira yang semakin membesar itu. Setelah sebulan lamanya, Dira tidak boleh bertahan lagi lalu berpindah ke rumah ibu mertuanya. Oleh sebab ibunya sendiri sudah lama meninggal dunia, Dira menagih kasih daripada mertuanya. Dia gembira mertuanya menerima kehadirannya dan tidak menyalahkannya dalam hal ini. Di rumah mertuanyalah Dira tumpang berteduh sementara menunggu habis tempoh dia bersalin.

Sepanjang masa itu, tidak pernah sekali pun Firas datang menjenguknya atau memujuknya pulang. Dira kesal terhadap perubahan pada sikap Firas. Dia tidak menyangka suaminya akan berubah sebegitu rupa, lagi-lagi pada saat Dira amat memerlukan perhatiannya. Perubahan pada diri Firas telah membuat Dira patah semangat untuk terus hidup.

“Apalah guna anak ini lahir ke dunia?” kata-kata itu pernah berdetik di hati Dira. Namun, Dira kuatkan juga semangatnya. Dia tahu bahawa anak itu ialah anugerah dan amanah daripada Tuhan yang mesti dijaga dengan baik. Dira bernasib baik kerana ibu mertuanya banyak memberinya kata-kata semangat dan nasihat untuk terus tabah mengharungi segala cabaran hidup.

Suatu pagi, perut Dira terasa sakit benar. Air tuban yang pecah terasa sejuk mengalir di kakinya. Dia terus dikejarkan ke Hospital Kandang Kerbau dan dimasukkan ke wad bersalin.

“Abang! Abang! Sampai hati Abang! Di mana Abang? Dira perlukan Abang!” teriakan Dira bergema dalam wad itu.

Jururawat bergegas ke bilik Dira. Dira sudah sedarkan diri. Ubat pelali yang telah disuntikkan kepadanya telah berjaya merehatkannya dan membuatnya

terlelap. Namun kini, Dira telah sedar dan menyebut nama suaminya berulang kali.

“Baguslah awak telah sedar. Anak awak dalam keadaan sihat. Anak perempuan! Tahniah! Awak boleh menyusukannya sekarang,” Doktor Lim memberitahu Dira.

“Mak.. anak Dira mana?” tanya Dira

“Ada di bilik jururawat. Tadi dia dah lapar benar, jadi jururawat berinya susu tepung dulu. Nak kejutkan Dira, Mak tak sampai hati. Penat betul Dira nampaknya,” Mak Jeha menerangkan.

“Mak... Abang Firas tak datang?” tanya Dira.

Mak Jeha hanya diam membisu.

“Mana Abang Firas, Mak? Dia sudah lupakan Dira ke? Dia sudah tidak sayangkan Dira? Dia dah jadi ayah. Dia tahu tak, Mak?” Pertanyaan Dira yang bertubi-tubi itu sukar untuk Mak Jeha jawab.

“Dira... sabaraya, Nak. Ni ada surat daripada Firas.” Mak Jeha menghulurkan sehelai kertas kepada Dira.

Assalamualaikum Dira,

Maafkan Abang kerana gagal menjadi seorang suami yang Dira perlukan. Abang tak terdaya Dira. Abang tidak kuat menanggung ujian Tuhan sehingga kehadiran Dira di sisi Abang tidak Abang pedulikan. Diralah sumber kekuatan bagi Abang selama ini. Namun, pada saat yang genting ini tidak sanggup Abang melihat Dira bersama-sama menanggung keperitan yang Abang alami.

Dira, sebenarnya, Abang tidak sihat. Abang sembunyikan perkara ini daripada Dira. Sel barah yang dahulunya berjaya dimatikan kini kembali semula dan kali ini menyerang tubuh Abang dengan lebih hebat lagi. Pada masa Dira membaca surat ini, Abang sedang menjalani rawatan. Abang minta maaf kerana tidak dapat berjumpa Dira dan anak kita. Abang harap Dira doakan Abang.

Dira, usahlah Dira menyalahkan diri sendiri. Dira jaga diri dan anak kita dengan baik. Jika Abang tidak sempat menatap wajah Dira lagi, janganlah merintih pemergian Abang. Abang akan menantimu di pintu syurga, Dira.

Sehingga kita bertemu lagi.

Firas

Terasa lemah seluruh tubuh Dira setelah membaca isi kandungan surat itu. Seakan lenyap sama sekali semangatnya untuk hidup. Dira menyesali akan apa yang telah berlaku. Dia kesal tidak menyedari bahawa suaminya sedang menderita. Rembesan air mata membasahi surat yang digenggamnya. Mak Jeha yang duduk di sebelahnya tidak dapat menahan sebak lalu memeluk Dira seerat-eratnya.

Mak Jeha menghulurkan sesuatu kepada Dira. Dira membuka matanya yang digenangi air mata itu dan melihat sampul itu. Mak Jeha mengerti perasaan Dira dan mendorong sampul itu lebih dekat lagi ke tangannya. Dira sekadar menyambut sampul itu. Perlahan-lahan, dia membuka mulut sampul itu dan memungghah keluar isinya. Terhambur keluar dua naskhah buku bank. Dibeleknya satu persatu buku bank itu.

Bertambah terkejut Dira dengan jumlah baki wang yang tertera pada kedua-dua buku bank itu. "Mak... Abang Firas simpan duit ini untuk masa depan Dira dan Ayu?" Dengan suara yang tersekat-sekat Dira menunjukkan buku-buku bank itu kepada Mak Jeha. Mak Jeha sekadar mampu menganggukkan kepalanya tanpa kata.

Kini Dira sedar segala-galanya berlaku adalah ujian kehidupan semata. Dira sedar dia tidak patut bersangka buruk terhadap suaminya sebelum ini.

Dira harap Firas berjaya melawan penyakit barah yang menyerangnya. Dira pasti Firas mampu kerana dia tahu Firas amat teguh menempuh dugaan yang selama ini tidak diketahui Dira. Dira melihat buku akaun bank yang diberi Firas tempoh hari. Dira sedar Firaslah yang lebih memerlukannya sekarang. Dira memandang wajah Mak Jeha. Deria wanita yang menyayangi seorang insan yang bernama Firas, sama-sama melihat cahaya di hujung perjalanan. Dakapan Mak Jeha memberi semangat kepada Dira.

Mega mendung yang melindungi suria sejak tadi kini beransur-ansur berlalu pergi. Terukir senyuman harapan pada kedua-dua wajah wanita yang menyayangi seorang lelaki yang bernama Firas.

Perbendaharaan Kata

- berteleku - duduk dengan kedua-dua belah siku bertumpu atau terletak pada sesuatu seperti meja dan riba, dengan tapak tangan biasanya menopang muka
- genting - tegang
- hambar - tidak ada rasa, acuh tak acuh, tidak bersemangat
- kehibaan - perasaan sedih atau pilu
- memungghah - menurunkan, membongkar, membuka
- mengharungi - menempuh, menghadapi kesusahan
- perihal - hal, peristiwa, tentang keadaan
- punah - habis rosak atau binasa sama sekali
- renggang - tidak beberapa rapat, agak berjauhan, kurang erat
- terbelahak - berdeham-deham atau terbatuk-batuk seakan- akan hendak berkahak kerana jalan pernafasan terganggu

